

13/07/1998

CPF: MIC minta kerajaan guna kuasa diplomatik

JOHOR BAHRU, Ahad - MIC meminta Kementerian Luar menggunakan kuasa diplomatiknya untuk berbincang dengan kerajaan Singapura bagi membolehkan pekerja dari Semenanjung mengeluarkan caruman mereka dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) di republik berkenaan.

Presidennya yang juga Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata oleh kerana Malaysia mempunyai hubungan diplomatik, adalah wajar isu itu diselesaikan melalui meja rundingan.

"MIC prihatin dengan masalah yang dihadapi pekerja dari Semenanjung yang gagal mengeluarkan caruman mereka terutama ketika keadaan kemelesetan ekonomi.

"Oleh itu, kita berharap Kementerian Luar dapat berbincang dengan pihak Singapura bagi membolehkan isu ini diselesaikan secepat mungkin. Sebagai sebuah negara berjiran, Singapura perlu peka dengan masalah yang dihadapi pekerja terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Johor hari ini.

Antara lain resolusi konvensyen itu mendesak kerajaan Pusat mengambil tindakan segera untuk membolehkan pekerja dari Semenanjung mengeluarkan caruman mereka dalam CPF.

Pada masa ini, pekerja dari Sabah dan Sarawak yang berhenti kerja di republik itu dibenarkan mengeluarkan caruman mereka, manakala rakyat dari Semenanjung hanya mengeluarkan CPF apabila usia mereka mencecah 55 tahun.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, dipetik sebagai berkata, Malaysia meminta Singapura membayar wang CPF kepada pekerja Semenanjung yang tidak lagi bekerja atau meninggalkan negara itu.

Beliau berkata, kementeriannya akan mengemukakan permintaan rasmi kepada kerajaan Singapura supaya membenarkan pekerja Semenanjung mengeluarkan caruman mereka dalam CPF.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut melahirkan rasa hairannya dengan sikap kerajaan Singapura yang mengamalkan dasar berlainan terhadap Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak berhubung isu itu.

Menurutnya, berdasarkan sistem yang diamalkan kerajaan republik itu sekarang, beliau sendiri tidak tahu sama ada Sabah dan Sarawak adalah negeri lain atau sebahagian Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan Malaysia akan mengadakan rundingan dengan kerajaan Singapura untuk mencari jalan mengembalikan wang CPF kepada pekerja Semenanjung.

Samy Vellu berkata, walaupun kerajaan Singapura mempunyai peraturannya yang tersendiri tetapi ia perlu menyemaknya semula bagi menangani isu itu.

(END)